

KUALA LUMPUR, 26 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SAH MENJADI PRESIDEN UMNO MALAYSIA YANG KELIMA DAN BAKAL MENGAMBIL ALIH TERAJU PEMERINTAHAN NEGARA.

BELIAU SEBELUM INI TELAH PUN MENANG TANPA BERTANDING BAGI JAWATAN TERTINGGI PARTI ITU SETELAH DATUK HUSSEIN ONN MENOLAK PENCALONANNYA KERANA INGIN BERSARA DARI KEDUA-DUA JAWATAN PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI MALAYSIA.

SEORANG PEMIMPIN YANG TELAH REBAH BANGUN SEJAK MENCEBUR DIRI DALAM KANCAH POLITIK NEGARA KETIKA BERUSIA 20 TAHUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG KINI BERUMUR 56 TAHUN TELAH MEMBUKTIKAN KEMATANGAN, KEMAMPUAN DAN KEWIBAWAANNYA MEMIKUL KEDUA-DUA JAWATAN PENTING DAN PENUH TANGGUNGJAWAB ITU.

KETOKOHANNYA SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN PARTI DAN KERAJAAN YANG DITERIMA RAMAI TELAH DIUJI ZAMAN SEHINGGA PENGAMBILALIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO DARI DATUK HUSSEIN OLEH BELIAU BERJALAN DENGAN LICIN DAN TERATUR.

BEGITU JUGA, PENGAMBILALIHANNYA SEBAGAI KETUA KERAJAAN DARI DATUK HUSSEIN DIJANGKA BERJALAN DENGAN BAIK. APATAH LAGI PERUBAHAN INI BERLAKU PADA SAAT-SAAT CARA PEMIKIRAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN RAKYAT MALAYSIA HAMPİR SERUPA KINI.
—BERSAMBUNG 1821/AN

B569

MAHATHIR-PROFIL 2 KUALA LUMPUR

216

PERDANA MENTERI DATUK HUSSEIN ONN KETIKA MEMBUAT PENGUMUMAN YANG MEMERRANJATKAN DENGAN MEMILIH ANAK WATAN DARI KEDAH ITU SEBAGAI TIMBALANNYA PADA TAHUN 1976 BERKATA: +SAYA TELAH MEMBUAT PILIHAN DAN BERDOA SERTA BERNARAP BAHAWA PEMILIHAN INI ADALAH BETUL DAN BELIAU DITERIMA DAN DISOKONG OLEH RAKYAT SELURUHNYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA MENGULAS PERLANTIKANNYA ITU HANYA BERKATA: +SAYA AKAN CUBA SEDAYA YANG BOLEH UNTUK MEMIKUL TANGGUNGJAWAB YANG BERAT ITU UNTUK FAEDAH SEMUA RAKYAT+.

DOA DAN HARAPAN DATUK HUSSEIN TELAH DIRESTUI DAN PEMILIHANNYA TERBUKTI TEPAT. BELIAU KINI AKAN MENYERAHKAN TERAJU PEMERINTAHAN NEGARA DAN PUCUK PIMPINAN UMNO KEPADA ORANG YANG BERKEBOLEHAN YANG DIDAMPINGI SEJAK LIMA TAHUN LALU.

BAGI DATUK SERI DR. MAHATHIR PULA, BELIAU TELAH MENUNAIKAN IKRARNYA. BELIAU SEKARANG DIKENALI SEBAGAI TOKOH YANG PRAGMATIK, BERTERUS TERANG DAN MELAKSANAKAN SEGALA KEPUTUSAN DENGAN TEGAS.

DI PERINGKAT ANTARABANGSA, BELIAU MENEMPAM NAMA DENGAN BERJAYA MENGHAPUSKAN KERAGUAN DI KALANGAN PELABUR-PELABUR LUAR NEGERI TERHADAP IKLIM PELABURAN DI NEGARA INI.

SEMASA MENGETUAI ROMBONGAN-ROMBONGAN PERDAGANGAN HAMPİR KE SELURUH PELUSUK DUNIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN CARANYA YANG TERSENDIRI TELAH DAPAT MENANGKIS SEGALA TOHMAHAN LIAR TERHADAP AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN YANG HANGAT DIPERKATAKAN SATU KETIKA DULU.

—BERSAMBUNG 1828/AN

MAHATHIR—PROFIL 3 KUALA LUMPUR

BERKAT KEGIGIHAN DAN KEBIJAKSANAANNYA, HARI INI PERMOHONAN DARI PARA PELABUR ASING UNTUK MEMBUKA PERUSAHAAN DI NEGARA INI TIDAK PUTUS—PUTUS DITERIMA.

DIKENALI SEBAGAI +DUKUN UMNO+ DI TEMPAT LAHIRNYA, ALOR SETAR, DATUK SRI DR. MAHATHIR MENDAPAT DIDIKAN AWAL DI SEKOLAH MELAYU SEBERANG PERAK DAN KEMUDIAN MELANJUTKAN PELAJARAN DI MAKTAB SULTAN ABDUL HAMID, ALOR SETAR.

SETELAH LULUS DARI UNIVERSITI MALAYA, SINGAPURA DENGAN IJAZAH MBBS, BELIAU BERTUGAS SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN DI KEDAH DAN PERLIS SEBELUM BERHENTI DALAM TAHUN 1957 UNTUK MEMBUKA KLINIK SENDIRI.

ANAK SEORANG GURU SEKOLAH INGGERIS INI MENJEJAKKAN KAKINYA KE DALAM ARENA POLITIK TANAH AIR BUKAN SECARA KEBETULAN SAHAJA TETAPI MINATNYA TIMBUL DARI SEMANGAT KESEDARAN DAN PAHIT MAUNG YANG DIRASAINYA SEMASA PEMERINTAHAN JEPUN DAN BRITISH.

BELIAU MULA MENJINAKKAN DIRI DENGAN POLITIK DALAM TAHUN 1945 DENGAN MENYERTAI BEBERAPA KESATUAN TERMASUK SABERKAS, KESATUAN KEDAH DAN KESATUAN PEMUDA MELAYU KEDAH SEBELUM AKHIRNYA MENYERTAI PERJUANGAN UMNO.

KETOKOHANNYA MULA TERUJI SETELAH BELIAU KELUAR DARI UMNO KERANA SATU PERSELISIHAN POKOK. MEMANG SUKAR UNTUK DIYAKINI SEORANG TOKOH UMNO YANG DIPECAT DARI UMNO PADA TAHUN 1969 MEMPUNYAI KEUPAYAAN MENDAPAT SEMULA KEPERCAYAAN DARI PARTINYA. — BERSAMBUNG 1819/AI

B571:

MAHATHIR—PROFIL 4 KUALA LUMPUR

SESIAPA PUN TIDAK DAPAT MENAFIKAN BAHAWA KEMAMPUAN BELIAU DIAKUI RAKYAT, MALAH KERANA ITU JUGALAH KEPULANGANNYA KE PANGKUAN UMNO MENJADI SATU SEJARAH.

BAKAL PERDANA MENTERI INI MAHUKAN SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG DISUSUN SEMULA SUPAYA KAUM BUMIPUTERA MEMPUNYAI BAHAGIAN YANG LEBIH BERMAKNA DI TANAH AIR SENDIRI.

BELIAU JUGA BERAZAM UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DI KALANGAN RAKYAT, TERUTAMA YANG TINGGAL DI LUAR BANDAR DI SAMPING INGIN MEWUJUDKAN PERPADUAN MENERUSI PENGGUNAAN CUMA SATU BAHASA IAITU BAHASA MALAYSIA.

SARANAN INI KINI DITERIMA OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. MALAH BANYAK LAGI IDEANYA TERMASUK MENUBUHKAN SEBUAH LADANG PADI UNTUK MENJADIKAN CARA BERKEBUN KECIL LEBIH MENGUNTINGKAN KINI MENJADI KENYATAAN. — BERNAMA 1822/AI